



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Aras 6, Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 603-8892 7600
Faks : 603-8888 9127
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel : operasi@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS :100-1/9 (54)

Tarikh : 21 Ogos 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato' / Tuan,

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 7 TAHUN 2019 – OPERASI KEBAKARAN TANAH GAMBUT DAN KEBAKARAN HUTAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengeluarkan satu Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 7 Tahun 2019 berkaitan Operasi Kebakaran Tanah Gambut dan Kebakaran Hutan.

3. Sehubungan dengan itu, dilampirkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 7 Tahun 2019 – Operasi Kebakaran Tanah Gambut dan Kebakaran Hutan untuk perhatian dan tindakan pihak YS Dato' / Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ABDUL WAHAB BIN HAJI MAT YASIN)

Pengarah,

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- s.k
- i) YAS Ketua Pengarah
 - ii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 - iii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

‘CEPAT DAN MESRA’



SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. YS Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kebakaran
3. YS Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
4. YS Pengarah, Bahagian Pembangunan
5. YS Pengarah, Bahagian Latihan
6. YS Pengarah, Bahagian Udara
7. YS Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat
8. Pengarah, Bahagian Pengurusan
9. Pengarah, Bahagian Kejuruteraan Jentera
10. YS Pengarah JBPM Negeri Selangor
11. YS Pengarah JBPM Negeri Pahang
12. YS Pengarah JBPM Negeri Johor
13. YS Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang
14. YS Pengarah JBPM W.P Kuala Lumpur
15. YS Pengarah JBPM Negeri Perak
16. YS Pengarah JBPM Negeri Kedah
17. YS Pengarah JBPM Negeri Sabah
18. YS Pengarah JBPM Negeri Sarawak
19. YS Pengarah JBPM Negeri Melaka
20. YS Pengarah JBPM Negeri Negeri Sembilan
21. YS Pengarah JBPM Negeri Kelantan
22. YS Pengarah JBPM Negeri Terengganu
23. YS Pengarah JBPM Negeri Perlis
24. YS Pengarah JBPM W.P Labuan
25. YS Pengarah JBPM W.P Putrajaya
26. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Tengah
27. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Timur
28. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Utara

'CEPAT DAN MESRA'

29. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sabah
30. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sarawak
31. Pegawai Memerintah, Pengkalan Udara JBPM Subang
32. Pegawai Memerintah, Pengkalan Udara JBPM Bertam
33. Ketua Unit Integriti
34. Ketua Unit Pengesan

'CEPAT DAN MESRA'



SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 7 TAHUN 2019

OPERASI KEBAKARAN TANAH GAMBUT DAN KEBAKARAN HUTAN

1.0 PENGENALAN

Fenomena jerebu yang melanda negara saban tahun merupakan satu perkara yang amat serius kerana berisiko tinggi terhadap tahap kesihatan orang ramai. Beberapa punca yang telah dikenalpasti sejak dahulu adalah berpunca daripada pembakaran terbuka dari aktiviti perladangan dan pertanian, pembebasan asap dan gas daripada kilang serta pembakaran hutan dari negara jiran.

2.0 PUNCA KUASA

Dalam melaksanakan tugas harian anggota dan pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) diberi kuasa di bawah:

2.1 Perlembagaan Persekutuan Jadual Ke 9, Senarai Persekutuan

26. Subject to item 9a of the concurrent list, prevention and extinguishment of fire, including fire services and fire brigade.

2.2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988

Sek 5 (1) dan (2)	-	Tugas JBPM
Sek 18	-	Kuasa semasa kebakaran
Sek 19	-	Tidak melibatkan kebakaran

3.0 HAD PEMAKAIAN

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini merangkumi tindakan peringkat awal dan digunakan dalam pengurusan operasi pemadaman kebakaran hutan, kebakaran terbuka serta untuk kegunaan dalaman JBPM sahaja.

4.0 TAFSIRAN

4.1 'Kebakaran hutan' - Kebakaran yang melibatkan api gambut ladang, kebakaran hutan simpan.

4.2 'Kebakaran terbuka' - Kebakaran melibatkan api lalang, api kebun, api semak, api jerami, api rumput, dan api pokok.

4.3 'Api Lain- lain' - Api yang tiada didalam senarai diatas, termasuk api sampah, longgokan sisa kayu dan tandan sawit.

4.4 'APD' - Alat Perlindungan Diri.

5.0 KESIAPSIAGAAN

5.1 Persiapan Awal

- 5.1.1 Mendapatkan informasi kawasan yang kerap terbakar;
- 5.1.2 Membuat kajian dan analisa risiko;
- 5.1.3 Membuat rondaan;
- 5.1.4 Merangka pelan operasi peringkat balai dengan melibatkan ketua komuniti;
- 5.1.5 Mengagihkan *brochure* dan *pamphlet* larangan pembakaran terbuka;
- 5.1.6 Memastikan peralatan untuk pengoperasian berada dalam keadaan baik dan mencukupi;
- 5.1.7 Mengenalpasti sumber air berhampiran; dan
- 5.1.8 Mengambil suntikan vaksin.

5.2 Mesyuarat dan kerjasama antara agensi

- 5.2.1 Mengadakan perjumpaan bersama Pegawai Daerah dan membuat mesyuarat penyelarasan antara agensi kerajaan dan swasta;
- 5.2.2 Menyenaraikan bentuk keperluan dan bantuan yang diperlukan; dan
- 5.2.3 Melaksanakan *dry mock drill* sebagai persiapan awal.

5.3 Logistik

Peralatan yang bersesuaian hendaklah digerakkan ke lokasi;

- 5.3.1 Kenderaan Utiliti;
- 5.3.2 *Water Tanker*;
- 5.3.3 *High Performance Pump Module (HPPM)*;
- 5.3.4 *Hydro Sub*;
- 5.3.5 *Portable Pump*;
- 5.3.6 Lori;

- 5.3.7 *Hose Fitting*;
- 5.3.8 Peralatan Pencahayaan;
- 5.3.9 Peralatan Perubatan;
- 5.3.10 Peralatan Komunikasi;
- 5.3.11 *Water Dam*;
- 5.3.12 *Khemah*; dan
- 5.3.13 *Lain-lain*.

6.0 TAHAP KEBAKARAN DAN TINDAKAN OPERASI

6.1 Tahap I (dibawah 3 hari beroperasi)

6.1.1 Insiden kebakaran Tahap I adalah dibawah kawalan dan penilaian Ketua Balai. Semua kes kebakaran Tahap I mestilah ditangani dengan kadar segera oleh balai berdekatan dengan menggunakan sumber dan peralatan yang sedia ada bagi mengelakkan kebakaran dari merebak dan mengurangkan tempoh pemadaman yang berpanjangan; dan

6.1.2 Menggunakan pam dan sumber sedia ada secara optima supaya kebakaran dapat ditangani dalam tempoh masa yang singkat. Ketua Balai hendaklah menguruskan insiden ini menggunakan konsep *Incident Command System (ICS) Level I*.

6.2 Tahap II

6.2.1 Insiden kebakaran Tahap II adalah melibatkan penglibatan dua (2) buah balai atau lebih. Ketua Zon dan Pegawai Operasi dari Zon akan bertindak sebagai pegawai penyelaras atau Komander Operasi. Ianya perlu ditangani dengan kadar segera dan Ketua Zon memberi nasihat berkaitan pengoperasian kepada Pegawai Daerah (DO) untuk menggerakkan bantuan daripada agensi - agensi di peringkat daerah mengikut Majlis Keselamatan Negara (MKN Tahap I); dan

6.2.2 Penyelarasan aset dari balai - balai boleh diaturgerakkan berdasarkan arahan semasa dari Komander Operasi. Pengurusan insiden berkonsepkan *Incident Command System (ICS) Level II* perlu diuruskan dengan mendirikan Pos Kawalan Hadapan (PKH) serta Pusat Kawalan Bomba (PKB).

6.3 Tahap III

6.3.1 Insiden kebakaran Tahap III adalah melibatkan tindakan pengurusan operasi di peringkat negeri. Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON) atau pegawai yang lebih kanan akan bertindak sebagai pegawai penyelaras atau Komander Operasi;

6.3.2 Penyelarasan aset dari negeri - negeri boleh diaturgerakkan berdasarkan permohonan semasa Komander Operasi melalui Pusat Pengurusan Operasi (PPO). Pengurusan *Incident Command System (ICS)* diaktifkan sepenuhnya pada peringkat ini; dan

6.3.3 Pengurusan MKN Tahap II atau III ditentukan oleh keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri.

7.0 KAEDAH PEMADAMAN

Komander Operasi boleh menggunakan kaedah berikut semasa memadam kebakaran, mengikut kesesuaian api hutan dan kebakaran terbuka;

7.1 Kaedah Terus atau Secara Langsung (*Direct Method*);

7.2 Kaedah Secara Tidak Langsung (*Indirect Attack*);

7.3 Pemisah Api (*Fire Break*);

7.4 Kaedah Selari (*Parallel Attack*);

- 7.5 Kaedah membanjir (*Total Flooding*);
- 7.6 Teknik membina (*Trenching Fire Line*);
- 7.7 Membuat *Fireline*;
- 7.8 *Water Bucket / Water Bombing*; dan
- 7.9 Teknik Bakar Balik (*Back Fire*).

8.0 TEMPOH PENGOPERASIAN PEMADAMAN

- 8.1 Tempoh pengoperasian adalah selama 3 hari secara berterusan;
- 8.2 Kebakaran hartanah persendirian/ swasta melebihi 3 hari, maka khidmat khas berbayar akan dikenakan; dan
- 8.3 Had waktu operasi pemadaman pada waktu malam bergantung kepada penilaian risiko komander operasi.

9.0 ASPEK KESELAMATAN

Komander Operasi perlu mengutamakan aspek keselamatan;

- 9.1 Anggota;
- 9.2 Peralatan dan kelengkapan dari kebakaran serta kecurian;
- 9.3 Topografi dan metrologi;
- 9.4 Tanah jerlus; dan
- 9.5 Binatang dan serangga berbisa.

10.0 ALAT PERLINDUNGAN DIRI (APD)

- 10.1 Komander operasi hendaklah membuat penilaian risiko berdasarkan kepada keadaan semasa di lokasi; dan
- 10.2 Mengarahkan pegawai dan anggota untuk memakai APD yang bersesuaian dengan keadaan kebakaran.

11.0 BANTUAN

Jika memerlukan bantuan, permohonan boleh dibuat daripada;

- 11.1** Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK);
- 11.2** Pejabat Daerah;
- 11.3** Majlis Daerah;
- 11.4** Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- 11.5** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);
- 11.6** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- 11.7** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- 11.8** Jabatan Kerja Raya (JKR);
- 11.9** Jabatan Alam Sekitar (JAS);
- 11.10** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS);
- 11.11** Angkatan Pertahanan Awam (APM);
- 11.12** Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);
- 11.13** SW Corporation;
- 11.14** Non – Government Organizations (NGO's); dan
- 11.15** Syarikat dan pemilik yang terlibat.

12.0 PENAMATAN OPERASI

Komander Operasi hendaklah mengisytiharkan operasi tamat apabila;

- 12.1** Memastikan sumber api telah dipadamkan sepenuhnya;
- 12.2** Kerja – kerja *Overhaul* telah dilaksanakan;
- 12.3** Taklimat akhir telah diberikan kepada semua agensi yang terlibat; dan
- 12.4** Menyerah maklum penamatan operasi kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS).


13.0 TINDAKAN SELEPAS OPERASI

- 13.1** *Post Mortem* operasi perlu dilakukan;
- 13.2** Pemeriksaan kesihatan menyeluruh anggota perlu dilakukan selepas operasi;

- 13.3 Memastikan peralatan yang telah digunapakai mencukupi;
dan
13.4 Menyenggaraikan, membersihkan dan memulangkan
peralatan.

14.0 TARIKH KUATKUASA

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya ditandatangani sehingga arahan baru dikeluarkan.



.....
(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 15.8.19 .